



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 Jld 3 ( ) 01/02

**ANGGOTA PASKAL MAUT TERKENA BOM IKAN**

Kementerian Pertahanan telah menerima maklum balas dari TLDM yang mengesahkan berita mengenai kematian seorang anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) pada 6 Februari 2019 di Setiu, Terengganu.

Melalui laporan yang diterima, ketika kejadian anggota TLDM tersebut sedang bercuti di kampung halaman dan dilaporkan meninggal dunia berkait letupan ketika aktiviti mencari ikan di Sungai Pangkalan Merbau, Setiu.

Sehingga kini Kementerian Pertahanan melalui TLDM menyerahkan keseluruhan proses siasatan kes tersebut kepada pihak PDRM bagi menentukan punca kematian dan apa-apa perkara lain yang berkait kematian Allahyarham.

Pihak TLDM juga sedang menyalurkan bantuan kepada waris Allahyarham di dalam pengurusan jenazah serta akan menguruskan bantuan yang sewajarnya berdasarkan kelayakan seseorang anggota.

Kementerian Pertahanan dan ATM komited untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan setiap anggota ATM.

-Tamat-

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**7 Februari 2019**